

**Soalan 1 wajib dijawab dan pilih mana-mana empat soalan yang lain.**

- 1 (a) (i) Apakah maksud fitrah beragama? [2 markah]  
 (ii) Terangkan **dua** ciri murid yang berpegang dengan ajaran Islam. [4 markah]  
 (b) (i) Nyatakan pengertian rasul. [2 markah]  
 (ii)

*Mukjizat merupakan perkara luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul yang terpilih.*

Jelaskan peranan mukjizat yang dianugerahkan tersebut. [4 markah]

- (c) Akal merupakan anugerah Allah SWT kepada manusia dan akal jugalah yang membezakan manusia dengan makhluk lain ciptaanNya. Terangkan **dua** cara bersyukur dengan nikmat akal. [4 markah]

- (d) (i)



Kejadian banjir kilat merupakan peringatan Allah SWT kepada manusia supaya menguruskan alam ini dengan baik sebagaimana yang dianjurkan Islam.

Berikan pandangan anda mengapa bencana ini sering terjadi dewasa ini. [4 markah]

- 2 (a) Islam adalah agama langit (samawi) yang bersifat Rabbaniyyah.  
 (i) Nyatakan **dua** prinsip Rabbaniyyah. [4 markah]  
 (ii) Kemukakan **dua** ciri agama langit. [2 markah]

- (b)

*“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan jangan kamu bertolong-tolongan dalam melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan.”*

Maksud surah al-Maidah;5:2

- (i) Berdasarkan maksud ayat di atas, bagaimanakah anda menyelesaikan masalah kawan sekelas anda yang menghadapi masalah kewangan berdasarkan konsep syumuliyah. [4 markah]

- (ii) Jelaskan **dua** konsep Syumuliyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]

- (c) Sebahagian daripada ajaran Islam adalah tetap dan tidak berubah.
- (i) Apakah maksud Thabat dan nyatakan **dua** aspek yang Islam tidak boleh bertoleransi dengannya. [4 markah]
- (ii) Terangkan hikmah disebalik penetapan tersebut. [2 markah]
- 3 (a) (i) Senaraikan **empat** ciri pemimpin menurut Islam . [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab rakyat terhadap pemerintah. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** etika hakim ketika melaksanakan prosedur kehakiman. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** ciri sistem sosial Islam. [4 markah]
- (d) Tawakal bermaksud berserah kepada ketentuan Allah SWT setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu. Bagaimanakah cara anda merealisasikan amalan tersebut dalam menghadapi peperiksaan. [4 markah]
- 4 (a) (i) Nyatakan pengertian harta menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** contoh harta boleh alih. [2 markah]
- (b) Jelaskan **dua** sebab harta adalah amanah Allah SWT kepada manusia. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** peraturan dalam pemilikan harta. [4 markah]
- (d) Islam melarang golongan-golongan tertentu daripada menguruskan harta untuk mengelakkan penyalahgunaannya. Mengapakah orang yang terencat akal / lemah akal(safih) tidak layak menguruskan harta. [4 markah]
- (e) Senaraikan **empat** contoh muamalah yang terdapat dalam Islam. [4 markah]
- 5 (a) (i) Jelaskan **dua** peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam bagi memelihara kesucian akidah daripada perbuatan syirik, riddah dan khurafat. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kepentingan matlamat perundangan Islam dalam memelihara agama. [4 markah]
- (b) (i) Berikan pengertian hukum makruh. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh hukum makruh [2 markah]
- (c) 

Suami Azlina telah dikenakan hukuman penjara seumur hidup kerana didapati bersalah mengedar dadah, sementara Azlina yang masih muda ingin bebas dari ikatan suami isteri dengan suaminya
- Beri pandangan anda, bagaimanakah cara yang boleh Azlina menyelesaikan masalah tersebut [4 markah]
- (d) Huraikan **dua** kesan pelaksanaan ibadat yang menyalahi hukum syarak. [4 markah]

- 6 (a) (i) Jelaskan pengertian ibadat. [2 markah]  
 (ii) Huraikan **dua** perkara yang boleh merosakkan ibadat. [4 markah]  
 (iii) Maksud hadis:

“Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat. Sesungguhnya bagi setiap orang itu amalannya dikira berdasarkan niat, sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan rasulnya maka hijrahnya akan dikira kerana Allah dan Rasulnya. Sesiapa yang berhijrah untuk mendapatkan habuan dunia atau mahu mengahwini wanita maka hijrahnya akan dikira menurut niatnya”.

[H.R Al- Bukhari dan Muslim]

Berdasarkan maksud hadis di atas, bincangkan ciri kesempurnaan ibadat. [4 markah]

- (b) (i) Senaraikan **empat** ciri keluarga bahagia. [4 markah]  
 (ii) Huraikan **dua** kepentingan perkahwinan kepada masyarakat. [4 markah]

- (c) 

Seorang lelaki telah dibicarakan di mahkamah syariah atas kesalahan membunuh.

Bagi situasi di atas ,apakah hukuman yang sepatutnya dijatuhkan oleh hakim bagi kesalahan di atas menurut hukum syarak. [2 markah]

- 7 (a)



- (i) Berdasarkan gambar di atas, huraikan **dua** nilai luhur yang dapat anda aplikasikan dalam kehidupan seharian. [4 markah]  
 (ii) Nyatakan maksud Sistem Sosial Islam. [2 markah]
- (b) (i) Nyatakan pengertian penyelesaian masalah. [2 markah]  
 (ii) Jelaskan **dua** matlamat penyelesaian masalah menurut Islam. [4 markah]
- (c) Kes buli dalam kalangan pelajar merupakan masalah disiplin yang masih berleluasa di sekolah. Bagaimanakan cara untuk menangani masalah ini daripada berleluasa? [4 markah]

(d)



Dewasa ini, kes remaja yang melahirkan anak luar nikah semakin berleluasa. Berdasarkan gambar jelaskan **dua** cara anda menyelesaikan masalah tersebut menurut pandangan Islam.

[4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT